
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Akhir
Sidang Akademik 2007/2008

April 2008

JMG 314 - Geomorfologi

Masa: 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan.

Jawab EMPAT (4) soalan daripada 6 soalan yang diberikan. Jika calon menjawab lebih daripada empat soalan, hanya empat soalan pertama mengikut susunan dalam skrip jawapan akan diberi markah.

Sertakan ilustrasi atau rajah di dalam jawapan anda bagi soalan yang berkaitan.

Baca arahan dengan teliti sebelum anda menjawab soalan.

Setiap soalan diperuntukkan 25 markah.

1. “Sebahagian besar daripada bentuk muka bumi yang terbentuk di dunia ini adalah disebabkan oleh proses geomorfik yang berlaku pada kadar yang berbeza”. Bincangkan.
(25 markah)
2. “Jenis tanah merupakan salah satu mekanisme utama yang boleh menyebabkan kejadian tanah runtuh”. Sejauh manakah benarnya pernyataan ini?
(25 markah)
3. Bincangkan bagaimana struktur geologi boleh memainkan peranan dalam membentuk pola saliran di sesuatu kawasan.
(25 markah)
4. Dengan merujuk contoh-contoh tertentu, bincangkan tentang bentuk-bentuk muka bumi akibat daripada penimbunan ombak.
(25 markah)
5. Bincangkan jenis-jenis lipatan dan kesannya ke atas pembentukan muka bumi di sesuatu kawasan.
(25 markah)
6. “Permukaan bumi yang berasal daripada gangguan eksogenik adalah lebih rata jika dibandingkan dengan permukaan bumi yang berasal dari gangguan endogenik”. Bincangkan.
(25 markah)